

[Home](#) / [2025](#) / [August](#) / UiTM Kukuhkan Jalinan Industri Melalui Career Day Fisioterapi 2025

SINERGI

25/08/2025 / MUHAMMAD AMIRUL HAQIIM ALIAS



PUNCAK ALAM, 6 Ogos 2025 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) terus memperkukuh hubungan strategik antara institusi pengajian tinggi dan industri melalui penganjuran program tahunan “Physiotherapy Research Colloquium, Alumni Expert and Career Day 2025” yang berlangsung selama dua hari di Kampus Puncak Alam, Selangor. Program ini dianjurkan oleh Pusat Pengajian Fisioterapi, Fakulti Sains Kesihatan (FSK), UiTM Selangor sebagai usaha berterusan memastikan program akademik kekal relevan dan memenuhi keperluan pasaran semasa.

Sebanyak 54 pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Fisioterapi (Kepujian) telah diberi peluang

membentangkan hasil kajian mereka kepada panel akademik dan industri. Program ini turut memperkenalkan sesi “PhysioBuddies: 6 Voices, 1 Story” yang menampilkan enam alumni Fisioterapi UiTM yang kini berkhidmat di pelbagai sektor termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia, institusi kesihatan swasta dan institusi pendidikan tinggi.





Menurut Dr. Ida Hasni Shaari, Ketua Pusat Pengajian Fisioterapi UiTM, “Peluang seperti ini menghubungkan pelajar dengan realiti industri dan menyediakan mereka untuk masa depan yang lebih terarah.” Program ini turut menjadi platform temuduga terbuka oleh 18 rakan industri yang hadir, antaranya Ocare Physio, Physiocare Malaysia, Alpro Physio Sdn Bhd, Regency Specialist Hospital dan Biorehab Group PLT. Penyertaan aktif pihak industri membuktikan kebolehpasaran tinggi graduan Fisioterapi UiTM.

Ceramah khas oleh Puan Jamilah binti Abdul Kuthoos dari Kementerian Kesihatan Malaysia turut diadakan bagi memberi pencerahan mengenai Akta 774 – Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016. Beliau menekankan kepentingan pendaftaran rasmi bagi memastikan amalan fisioterapi dijalankan secara sah dan beretika.

Pengarah program, Puan Aiman Nadia Akmar, menyatakan bahawa program ini bukan sahaja memperkukuh hubungan dua hala antara UiTM dan industri, malah membuktikan komitmen universiti dalam melahirkan graduan yang bersedia menyumbang kepada pembangunan negara.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Profesor Dr. Mohd Haidzir Abd Manaf, Dekan Fakulti Sains Kesihatan UiTM. Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa program seperti ini menzahirkan peranan fakulti dalam melahirkan fisioterapis yang bukan sahaja cemerlang secara teknikal, malah memiliki kepimpinan dan profesionalisme tinggi di lapangan.



Tags: [Fakulti Sains Kesihatan \(FSK\)](#), [UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

☐ [UiTM Pahang Elevates Malaysian Library Innovation on Global Stage Through International Lecture Series](#)

[UiTM Perkasa Literasi Digital Pelajar Tahfiz Melalui Program IT4TAHFIZ 2025](#) ☐

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

[Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

